

25/06/1998

DAP minta Liong Sik letak jawatan

PETALING JAYA, Rabu - DAP meminta Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik meletakkan jawatan berikutan ada dakwaan mengatakan Presiden MCA itu terbabit dengan rasuah, amalan kronisme dan nepotisme.

Setiausaha Agungnya, Lim Kit Siang, berkata dakwaan itu dibuat oleh bekas anggota majlis Presiden dan jawatankuasa Pusat MCA yang juga Timbalan Pengerusi MCA Selangor dan Petaling Jaya Selatan, Datuk Soh Chee Wen.

Sehubungan itu, Lim yang juga Ahli Parlimen Tanjung meminta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengambil tindakan ke atas Dr Ling.

"Jika Soh mengesahkan laporan polis yang disiarkan dalam Internet itu dibuat olehnya, Dr Mahathir perlu menjelaskan kenapa dia tidak meminta Dr Ling meletak jawatan daripada Kabinet sehingga siasatan menyeluruh dibuat terhadap Dr Ling," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Soh meletakkan jawatan pada 5 Jun lalu atas permintaan Dr Ling. Soh juga ialah Ketua Pegawai Eksekutif Promet Bhd & Plantation & Development Bhd, Pengarah Urusan Kelanamas Industries Bhd dan Pengerusi Eksekutif Uniphoenix Corporation Bhd.

Dalam laporan Asian Wall Street Journal (AWSJ), Soh dilaporkan berkata, dia menjadi mangsa serta terpaksa menghadapi semua tuduhan secara peribadi dan akan menamakan tokoh korporat yang terbabit dalam urus niaga Omega.

(END)